

20 JAN 1999

Ting - Rumah

JUMLAH RUMAH DIBINA MENINGKAT WALAUPUN GAWAT, KATA TING

GOPENG, 20 Jan (Bernama) -- Walaupun jumlah projek perumahan berkurangan berikutan kegawatan ekonomi, jumlah unit rumah dibina telah meningkat sebanyak tiga peratus atau sebanyak 5,692 unit pada tahun lepas berbanding tahun 1997, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Katanya, pada tahun lepas sejumlah 194,092 unit rumah telah diluluskan oleh kementerian itu untuk dibina berbanding 188,400 unit pada tahun 1997, membuktikan industri perumahan tidak terjejas dengan teruk walaupun berlaku kegawatan ekonomi.

Pada tempoh masa yang sama, jumlah lesen pembangunan, iaitu permit membenarkan kontraktor membina rumah, serta lesen baru pengiklanan dan penjualan menurun antara 28 peratus hingga 30 peratus.

Bagi lesen pembangunan, sejumlah 653 permit sahaja telah dikeluarkan sepanjang tahun lepas berbanding 935 pada tahun 1997, manakala lesen iklan dan jualan sebanyak 622 berbanding 245 pada tahun sebelumnya, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pasar dan pusat penjaja baru Gopeng di sini.

Beliau berkata statistik itu juga menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat pemaaju perumahan kini bertindak dengan berhati-hati dalam usaha membangunkan projek perumahan dalam keadaan kelembapan ekonomi pada masa ini.

Selain itu, masalah untuk mendapatkan "bridging loan" adalah juga punca projek perumahan berkurangan, katanya.

Katanya, Kempen Pemilikan Rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan membabitkan 500 syarikat pemaaju perumahan, mencatat jumlah jualan sebanyak RM3.8 billion dan ini akan meningkatkan pertumbuhan aktiviti hiliran industri perumahan untuk tempoh dua tahun ini.

Beliau berkata, sebahagian besar syarikat pemaaju perumahan yang tidak terlibat dalam kempen tersebut turut mencatat peningkatan dari segi jualan berikutan publisiti kempen itu.

Ting juga berkata sehingga kini kementerian itu tidak menerima sebarang rungutan ataupun masalah daripada orang ramai berikutan kempen tersebut yang menawarkan pelbagai kemudahan termasuk pengecualian cukai stem oleh kerajaan.

Mengenai kebersihan, beliau berkata Jabatan Kerajaan Tempatan telah diarahkan untuk sentiasa memerhati dan mematau masalah ini, terutama melalui berita-berita di media mengenai kekotoran di kawasan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Kementerian itu kini mengambil perhatian serius terhadap isu kekotoran dan mengarah setiap PBT mengambil tindakan tegas bagi memastikan masalah ini dapat diatasi dengan secepat mungkin, katanya. -- BERNAMA.

HK AR